

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR UTeM

**Majlis Perasmian Pusat e-Pembelajaran Negara (NeLC) bersempena
Karnival e-Pembelajaran UTeM**

27 Julai 2017, 9.30 pagi

UTeM, Kampus Teknologi, Ayer Keroh

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh

Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd Nur

Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazilah binti Salam

Pengarah Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran, Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM)

Merangkap Pengerusi Program Karnival e-Pembelajaran UTeM

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan

Pengarah Pusat e-Pembelajaran Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi

Naib-Naib Canselor, Pegawai-Pegawai dari Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, wakil Universiti, Rakan Industri, Rakan Media, dif-dif jemputan, hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang indah ini, kita dapat dipertemukan dalam **Majlis Perasmian Pusat e-Pembelajaran Negara (NeLC) bersempena Karnival e-Pembelajaran UTeM.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis pelancaran ini. Kami, seluruh warga UTeM amat mengalu-alukan kehadiran YB Dato' Seri ke UTeM Kampus Teknologi pada pagi ini dan saya percaya kehadiran YB Dato Seri akan menyemarakkan lagi semangat seluruh warga Universiti, wakil-wakil Universiti, para pelajar untuk terus melakukan yang terbaik ke arah meningkatkan keupayaan dan penguasaan khususnya dalam kaedah e-pembelajaran.

3. Saya mewakili Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke majlis ini untuk bersama-sama kita berkongsi pengetahuan, teknik, inovasi dan kebaikan penggunaan e-Pembelajaran dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada pelajar generasi kini.
4. I would like to take this opportunity to welcome our industry partners from Open Learning, Microsoft Malaysia and Apple Malaysia. We are deeply honored and delighted to receive the presence of our eminent guests today for this auspicious ceremony.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian atau e-learning telah di jalankan secara meluas di pelbagai peringkat institusi pendidikan pada masa kini. Kaedah ini bukan setakat menjadi nilai tambah bagi proses pengajaran dan pembelajaran malahan telah dijadikan satu medium perantaraan komunikasi serta pertukaran maklumat antara

warga pendidik dan para pelajar melalui penggunaan sistem yang dijalankan melalui komputer berangkaian ataupun peranti mudah alih yang dimiliki.

6. UTeM sebagai sebuah Universiti Teknikal senantiasa menjadikan e-pembelajaran sebagai agenda dan pendekatan utama dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran masa kini yang lebih menjurus ke arah pendidikan 4.0. Menyedari kepentingan ini, UTeM telah menubuhkan Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) pada 2 Mei 2013, secara langsung menyahut aspirasi Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN)
7. Dalam usia empat (4) tahun penubuhan PSTP, pelbagai aktiviti giat dijalankan; seperti pembangunan info & infrastruktur, pembangunan e-kandungan, pembangunan profesional, dan pembudayaan ePembelajaran di kalangan ahli akademik dan pelajar Universiti ini.

8. Bagi menyemarakkan lagi usaha dalam e-pembelajaran ini, UTeM julung kalinya pada hari ini menganjurkan Karnival e-Pembelajaran bagi menggalak dan mengiktiraf kecemerlangan inisiatif inovasi e-Pembelajaran yang dilaksanakan oleh staf akademik seluruh negara khususnya di kalangan warga akademik di Universiti ini. Alhamdulillah, penganjuran karnival seharian ini berjaya menarik minat orang ramai menerusi 60 penyertaan dalam tujuh (7) kategori pertandingan yang dijalankan iaitu MOOC, iBook, OCW, Mobile Apps, LMS, Inovasi P&P, ePembelajaran IPT, dan ePembelajaran Sekolah Rendah.
9. Penganjuran karnival tahunan ini juga diharapkan dapat menjadi pembakar semangat dan kesungguhan kepada semua ahli akademik untuk bergiat lebih aktif bagi meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan inovasi e-Pembelajaran dalam proses P&P.

YB Dato' Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Selain daripada pengisian yang menarik, program hari ini juga merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf sumbangan dan usaha tanpa jemu warga akademik UTeM dalam membangun dan melaksanakan e-Pembelajaran di Universiti ini. Sebagai makluman semua, sebanyak lima (5) Anugerah bakal diberikan pada pagi ini iaitu Anugerah Laman Kursus ULearn Paling Aktif, Anugerah MOOC UTeM Terbaik, Anugerah MOOC UTeM Paling Aktif, Anugerah iBook UTeM Terbaik, dan Anugerah OCW UTeM Terbaik.
11. Saya bagi pihak UTeM juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Microsoft Malaysia dan Apple Malaysia yang telah memberikan latihan professional berkaitan e-Pembelajaran kepada ahli akademik UTeM. Alhamdulillah, pada masa ini, UTeM telah mempunyai seramai 9 orang Microsoft Innovative Educator, 5 Certified Apple Foundation Trainer, dan 3 orang Apple Distinguished

Educator. UTeM akan memastikan bilangan profesional ini akan terus dipertingkatkan lagi di masa yang akan datang seterusnya dapat menerajui bidang e-pembelajaran ini.

YB Dato' Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang program ini berlangsung. Diharapkan usaha murni seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan dengan penganjuran lebih banyak program-program bermanfaat seumpama ini untuk kebaikan kita bersama.
13. Akhir kata, setinggi-tinggi **terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri** yang tidak pernah jemu memberikan nasihat serta sokongan berterusan kepada UTeM sehingga program ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Terukir indah hiasan singgasana,
Ditambah seri cahaya purnama,
Sokongan Dato' Seri begitu bermakna,
Memacu ilmu kemajuan bersama.

14. Semoga segala usaha yang kita laksanakan terus mendapat keberkatan yang sempurna dan kerahmatan dari Allah SWT.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.*
Terima kasih.